

23 MAR 2001

Mahathir-Setinggalan

KERAJAAN AKAN TANGANI MASALAH SETINGGAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menangani masalah yang dihadapi oleh setinggalan di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata tindakan seumpama itu perlu memandangkan penduduk miskin yang tinggal di kawasan setinggalan mudah dihasut untuk mencetuskan keganasan.

Beliau menarik perhatian kepada insiden pergaduhan dikalangan penduduk di Kampung Medan dan penempatan lain dekat Jalan Klang Lama, dekat sini baru-baru ini sambil berkata kerajaan berpendapat insiden itu bukan disebabkan oleh isu perkauman tetapi masalah sosial.

"Kita tahu bahawa insiden ini berlaku di kawasan yang penduduknya paling miskin dan golongan miskin mudah dihasut untuk menimbulkan keganasan," kata beliau ketika berucap pada majlis jamuan ulang tahun ke-36 Malaysia Hindu Sangam di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan cuba mengatasi sesetengah daripada kekurangan di kawasan setinggalan dan kawasan lain di ibu negara yang didiami oleh golongan miskin.

"Sudah tentu kita bukan sahaja akan memberi tumpuan kepada kawasan tertentu (Kampung Medan) tetapi juga di seluruh negara," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kawasan-kawasan seperti itu tidak diberi perhatian kerana perangkaan menunjukkan bahawa kemiskinan di negara ini berada di peringkat minimum.

"Tetapi kita tahu sekarang bahawa walaupun pendapatan di ibu negara mungkin tinggi tetapi kos sara hidup menyebabkan banyak orang hidup miskin," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata nasib baiklah pihak berkuasa dapat segera menangani pergaduhan itu.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia harus berasa bertuah kerana walaupun tinggal di sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, insiden yang menjejaskan keamanan dan pergaduhan kaum jarang berlaku.

Menurut Perdana Menteri, rakyat Malaysia pada umumnya bersikap toteransi dan mereka dapat bercampur, bekerja dan bermain bersama.

Dr Mahathir berkata ini adalah sesuatu yang biasanya tidak terdapat dalam masyarakat berbilang kaum dan agama yang lain.

"Bagaimanapun, sekarang ada sesetengah orang yang mahu mengambil tindakan yang tidak rasional," kata beliau sambil menarik perhatian kepada insiden di Kampung Medan.

Dr Mahathir berkata insiden di Kampung Medan adalah disebabkan oleh perselisihan faham kecil tetapi pihak-pihak lain cuba mengambil kesempatan untuk kepentingan peribadi.

"Kita diberitahu bahawa ada pihak lain yang terbabit kemudian iaitu mereka yang langsung tidak berada di tempat kejadian apabila pergaduhan pertama berlaku," kata beliau.

Dr Mahathir berkata dikalangan masyarakat Islam pun berlaku perselisihan faham, apatah lagi dikalangan penduduk terdiri daripada kaum dan agama yang berlainan.

"Tetapi kita harus menyelesaikan perselisihan ini melalui rundingan antara satu sama lain," kata beliau.

Mengenai permintaan oleh Presiden Malaysian Hindu Sangam (MHS), A. Vaithilingam supaya kerajaanewartakan kuil yang dibina mengikut

undang-undang, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji permintaan itu dan mencari jalan terbaik untuk mengatasinya.

Vaithilingam, dalam ucapan sebelumnya, merayu kepada perdana menteri supayaewartakan semua kuil yang menduduki tanah yang disediakan oleh majikan, baik dalam sektor kerajaan mahupun swasta.

Vaithilingam juga meminta kerajaan supaya mengharamkan "samsu" yang menurut beliau telah menghancurkan keluarga masyarakat India.

Dr Mahathir berkata, "Jika ini adalah kehendak masyarakat India dan MHS, kita akan mengkajinya.

Yang turut hadir ialah isteri perdana menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu yang juga presiden MIC dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

-- BERNAMA

ZAI AR FAZ